



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 4, MENARA PRISMA
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

Tel : 603 - 8885 0797
Faks : 603 - 8885 0769
E-mail : fsq-division@moh.gov.my
<http://fsq.moh.gov.my>



Ruj Kami: KKM.600-19/8/81 Jld. I (2)

Tarikh : 11 November 2021

Bio Synergy Laboratories Sdn Bhd
(No SAMM: 877)
No. 7, Jalan Mutiara Emas 6/1A
Taman Mount Austin
81100 Johor Bahru, Johor

Tuan/Puan,


PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA UNTUK PERKHIDMATAN ANALISIS MAKANAN BAGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (BIO SYNERGY LABORATORIES SDN BHD, NO. SAMM: 877)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana berjaya mengekalkan akreditasi ISO/IEC 17025 yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).
3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju melanjutkan pengiktirafan** kepada makmal tuan untuk perkhidmatan analisis makanan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan **sehingga 21 Mei 2024** tertakluk kepada tempoh sah laku Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang **dikeluarkan pada 13 April 2021** seperti yang dikemukakan kepada Bahagian ini. **Skop Analisis yang diiktiraf oleh KKM adalah terhad kepada analisis makanan seperti di Lampiran 1.** Sebarang penarikan balik akreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.

Nombor Permohonan Makmal	: MS042100005-0 : Bio Synergy Laboratories Sdn Bhd No. 7, Jalan Mutiara Emas 6/1A Taman Mount Austin 81100 Johor Bahru, Johor
No SAMM	: 877
No Pengiktirafan	: MS042100005-0/1
Tempoh Sah Pengiktirafan	: 05/11/2021 – 21/05/2024

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO. SIJIL : QMS 02463